

## New Media and Its Impact Towards Islamic Dakwah

## Media Baharu dan Impak Terhadap Dakwah

Abd Hadi Borham\*

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: abdhadi.borham@fsk.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

**Abstract**

The development of communication and information technology (ICT) has been developed by the government since the 1980s. This development has contributed to the increasing use of the internet as a new medium for the purpose of partnership, business and knowledge. This socio-cultural change, based on the new media, has led to the receipt of information and forming a new environment in all aspects including religious life. The development of the internet in Malaysia has given a direct impression on the development of Islamic da'wah. Today's society gains exposure to Islam easily through social media such as facebook, newsgroups, e-groups and others. Therefore, this article aims to examine the impact of the new media toward Islamic da'wah. Data was obtained on library research through secondary data such as journal articles, government reports, books etc. Analysis shows that the flooding of Islamic information in the new media has affected the da'wah among internet users especially in the acceptance of Islamic understanding in aqidah, ibadah and akhlak.

*Keywords:* New media, internet, religiosity, impact, da'wah

**Abstrak**

Perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) telah dibangunkan oleh kerajaan sejak tahun 1980an. Perkembangan ini telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan internet sebagai media baharu untuk tujuan perkongsian, perniagaan dan pengetahuan. Perubahan sosiobudaya yang berasaskan media baharu ini, telah mendorong kepada penerimaan lambakan maklumat dan membentuk suatu persekitaran baru dalam semua aspek termasuk kehidupan beragama. Perkembangan media baharu di Malaysia telah memberikan kesan secara langsung terhadap perkembangan dakwah. Masyarakat hari ini mendapat pendedahan berkaitan Islam dengan mudah melalui media sosial seperti *facebook*, *newsgroup*, *e-group* dan sebagainya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis impak media baharu terhadap dakwah. Pengumpulan bahan-bahan berasaskan kajian perpustakaan melalui data-data sekunder yang diperolehi daripada penyelidikan lepas, artikel jurnal, laporan dan sebagainya. Analisis menunjukkan kebanjiran maklumat-maklumat Islam di media baharu memberikan kesan terhadap dakwah terutamanya dalam aspek penerimaan kefahaman Islam yang berkaitan dengan akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pengguna internet.

*Kata kunci:* Media baharu, internet, kehidupan beragama, impak, dakwah

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

**1.0 PENDAHULUAN**

Kajian berkaitan agama dan internet atau media baharu telah menarik perhatian pengkaji masa kini untuk menganalisis impak media baharu terhadap kehidupan beragama (Campbell 2005:1). Perbincangan mengenai agama telah menarik perhatian pengguna dalam media baharu untuk berkongsi kefahaman melalui pelbagai dimensi, termasuk berkaitan agama Islam. Dalam perbincangan mengenai Islam di internet atau ruang maya (*cyber space*) pengkaji Barat seperti Gary Bunt (2003) dan Vit Sisler (2005) menggambarkan tentang kebanjiran maklumat Islam di media baharu dan memberikan kesan-kesan tertentu terhadap kefahaman dan penghayatan di kalangan masyarakat Islam. Media baharu telah menyediakan maklumat-maklumat berkaitan Islam yang boleh diakses seluruh masyarakat di dunia dan bersifat merentas mazhab, ideologi, politik, sosial dan ekonomi masyarakat setempat. Media baharu telah melahirkan pelbagai gerakan untuk menonjolkan idea masing-masing. Bunt (2003) menjelaskan *mauduk* Islam sebagai maklumat yang berbentuk teks, imej, audio dan visual. Oleh itu, terdapat kecenderungan dalam kalangan masyarakat digital atau dunia maya hari ini mendapat pendedahan maklumat-maklumat Islam daripada media baharu. Artikel ini cuba untuk melihat perkara tersebut.

## ■ 2.0 PERKEMBANGAN MEDIA BAHARU DI MALAYSIA

Perkembangan media baharu banyak dikaitkan dengan pembangunan internet di Malaysia. Ramai pakar berpendapat internet dimulakan sebagai rangkaian awal yang digunakan oleh para saintis dan golongan intelek untuk saling hubung menghubungkan untuk mendapatkan maklumat dan bertukar pandangan (Douglas Kellner 1995:431; Azizah Hamzah 1998; Steve Lawrance dan C.Lee Giles 1999; Koku, Nezer dan Wellman 2000:2). Kajian Rahmah Hashim et al (1999) mendapati pengguna internet awal adalah di kalangan pengguna yang berpendidikan tinggi dan bekerja sebagai profesional, pengurus, pentadbir dan ahli akademik. Kebanyakan mereka mempunyai pendedahan maklumat-maklumat di internet sewaktu belajar di institusi pengajian tinggi atau semasa bekerja. Mereka kerap menggunakan internet bukan untuk tujuan berseorangan tetapi untuk mengakses maklumat yang bermanfaat untuk profesion mereka. Kumpulan ini juga mempunyai sikap rasional terhadap internet dan inovasi teknologi di Malaysia.

Di Malaysia, internet telah diperkenalkan pada tahun 1987 melalui 'RangKom.' Institusi ini dipertanggungjawabkan *Malaysian Institute of Microelectronic System (MIMOS)* untuk membangunkan rangkaian internet di seluruh negara. Kemudian dalam tahun 1980-an, MIMOS menukar 'RangKom' kepada JARING (*Joint Advance Research Integrated Networking*) untuk terus membangunkan kemudahan internet di seluruh Malaysia. JARING telah memberikan perkhidmatan internet serta menjadikan Malaysia negara pertama dengan menyediakan ISP (*Internet Service Provider*) (Tengku Siti Aisha et al. 2007:1). Pada tahun 1996, pihak kerajaan telah membangunkan *Multimedia Supercorridor (MSC)* di Cyberjaya Kuala Lumpur dalam merealisasikan matlamat 'Wawasan 2020' sebagai teras pembangunan masyarakat di Malaysia. Pihak kerajaan telah memberi kelangan untuk tidak menapis apa-apa isi kandungan internet terhadap syarikat teknologi maklumat multinasional yang melabur di MSC dan penggunaan awam (Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998). Bagi meluaskan penggunaan internet di seluruh negara, pelbagai insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi menggalakan pembangunan ICT dan pemilikan komputer di kalangan rakyat (Zuraidah 2008:111). Kerajaan telah memberi beberapa insentif seperti *rebate* cukai dalam usaha menggalakan orang ramai memiliki komputer. Dasar pembangunan ICT di Malaysia telah digerakkan daripada gelombang kecil kepada gelombang besar. Misalnya pada pertengahan tahun 1990-an, kerajaan Malaysia telah menjalankan kempen 'Satu Rumah Satu Komputer' untuk memupuk rakyat menggunakan teknologi komputer dan meningkatkan kadar literasi ICT serta merapatkan jurang digital di kalangan rakyat Malaysia untuk meningkatkan penggunaan internet untuk faedah kepada rakyat (Mohd Sobhi Ishak 2007:14).

Pihak kerajaan telah memberikan peruntukan melalui rancangan Malaysia kelapan dan sembilan (RMK-8 dan RMK-9) untuk meluaskan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat di pusat pengajian tinggi dan sekolah bagi meningkatkan kadar literasi komputer dan mengurangkan jurang digital (Adnan Hussien et al. 2000:127; Zuraidah 2008:113). Dalam laporan rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) pemilikan komputer dalam kalangan penduduk Malaysia telah meningkat kepada 21.8% berbanding 9.4% jumlah pada tahun 2000 (Mohd Sobhi Ishak et al. 2007:1). Manakala dari aspek penggunaan internet, laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati penggunaan internet di kalangan rakyat Malaysia pada akhir tahun 1999 mencapai 2 juta pengguna, manakala pada tahun 2005 pengguna internet hampir mencecah 10.317 juta di Malaysia (Tengku Siti Aisha et al. 2007:1). Pada tahun 2007, jumlah penggunaan internet meningkat sebanyak 11.7 juta menggunakan internet secara langganan 'dial-up' dan 1.2 juta lagi menggunakan kemudahan teknologi itu secara langganan jalur lebar (Laporan tahunan Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) 2007:19-22). Selain itu, beberapa program yang dilaksanakan pihak kerajaan bagi meluaskan penggunaan internet dan meningkatkan kualiti perkhidmatan liputan di kawasan bandar atau luar bandar seperti Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK), Perpustakaan Jalur Lebar (PJL), Pusat Jalur Lebar Komuniti Kecil (Mini PJK), program komputer 1 Malaysia dan Kampung Tanpa Wayar (SKMM, 2011:13).

Pada tahun 2017, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebanyak 85.6 peratus pengguna yang mengakses internet di rumah, 84 peratus mengakses di talian telefon pintar, 58.7 peratus mengakses di tempat kerja, 55.9 peratus mengakses melalui WIFI, 54.8 peratus mengakses di rumah kenalan, 30 peratus mengakses di pusat komersial, 19.6 peratus mengakses melalui pusat komuniti, dan 13.9 peratus mengakses di kawasan institusi pendidikan adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1** Tempat akses internet

Tempat Akses	Peratus
Rumah	85.6
Telefon pintar	84
Tempat kerja	58.7
Melalui WIFI	55.9
Rumah kenalan	54.8
Pusat komersial	30
Kemudahan komuniti	19.6
Kawasan institusi pendidikan	13.9

Sumber: SKMM 2017

Ini menunjukkan pemilikan dan kebolehan akses internet dalam kalangan masyarakat di Malaysia di tahap tinggi pada setiap tahun. Pengguna yang mengakses internet di rumah sendiri dan talian telefon peribadi adalah kategori yang tinggi. Begitu juga dengan kadar yang agak tinggi bagi pengguna yang mengakses internet di tempat kerja, kemudahan WIFI, pusat komersial, komuniti dan persekitaran institusi pendidikan. Selain itu, SKMM juga melaporkan aktiviti pengguna dalam mengakses internet pada tahun 2017 semalain meningkat. Kemunculan beberapa aplikasi baru membolehkan pengguna melakukan aktiviti dalam alam maya dengan mudah dan berkesan.

Jadual 2 Aktiviti dalam talian (online)

Aktiviti Talian	Peratus
Komunikasi melalui mesej	96.3
Melayari laman jaringan sosial	89.3
Mendapatkan maklumat	86.9
Mendengar radio atau muzik di talian	72.7
Menonton filem, video dan televisyen	70
Memuat turun audio, video, gambar dan bahan bacaan	68.6
Belajar	67.6
Urusan kerja	56.3
Membeli di atas talian	48.8
Perkhidmatan kerajaan	45.9
Pengurusan kewangan	41.7
Bermain permainan	41.6
Memohon pekerjaan	35.4
Talian audio	32

Sumber: *Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) 2017*

Jadual 2 menunjukkan aktiviti tertinggi yang dilakukan pengguna dalam mengakses internet ialah interaksi mesej (*chatting*), jaringan sosial dan mendapatkan maklumat. Aktiviti di atas talian yang kedua tertinggi ialah akses talian radio, muzik dan televisyen. Manakala aktiviti di atas talian yang ketiga tertinggi ialah memuat turun bahan dan belajar. Peningkatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia sudah dapat menerima pengaruh teknologi komunikasi maklumat sebagai salah satu keperluan dalam hidup mereka, sama ada untuk tujuan urusan dan bermaklumat, dan untuk kehidupan beragama secara tidak langsung. Secara tidak langsung, kesan media baharu mampu mencetuskan pertembungan dari sudut krisis agama, nilai, kepercayaan pemikiran dan budaya dalam masyarakat Islam. Dalam hal ini, Azizah Hamzah (1998:100) menjelaskan ada kemungkinan ruang internet serta forum perbincangan elektronik turut menyediakan penyebaran maklumat yang tidak sahih dan tepat. Maklumat ini tidak dinilai dan tidak diproses untuk kegunaan awam. Demikian juga dengan implikasi dengan perkara-perkara yang bertentangan agama semakin berleluasa. Hal ini tidak sahaja berlaku di negara-negara Islam, bahkan perkara ini dibimbangi di negara Barat lain (Fuad Hasan 1984:37-42). Hassan Abdu (2009) seorang wartawan di Arab Saudi turut menyatakan bahawa internet telah memberi ruang bebas (*freedom expression*) di kalangan rakyat di negara ini untuk membincangkan isu yang tidak boleh disebutkan secara realiti. Keadaan ini turut mendorong kemunculan kempen tentang persamaan hak guru-guru wanita, kebebasan wanita dan sebagainya. Perkara yang sama turut dilihat oleh Hassan Abdu, apabila internet mencetuskan '*globalization of religion*' dan mengandaikan akan berlakunya perubahan dalam institusi tradisional yang dibentuk melalui pemikiran-pemikiran baru.

### 3.0 MEDIA BAHARU DAKWAH

Dakwah adalah suatu usaha menyampaikan mengenai Islam sebagai agama yang benar kepada manusia. Usaha ini tidak tertumpu kepada satu golongan tertentu sahaja, tetapi untuk seluruh umat manusia kerana suatu tuntutan bagi setiap muslim dengan metod yang sesuai sebagaimana dijelaskan dalam al-Qur'an dan *al-Sunnah* (Ghalush Ahmad 1978:9). Setiap muslim yang berkemampuan sama ada secara individu dan organisasi haruslah menggalakkan manusia supaya menerima Islam baik mengenai akidah mahupun cara hidup di samping mengingatkan mereka agar tidak menganut agama lain dengan menggunakan cara-cara yang tertentu (Sayyid Nawfal 1977: 348). Tanggungjawab dakwah dilaksanakan tidak terhad dan berkait waktu tertentu sepertimana ibadah-ibadah lain yang telah difardukan. Bahkan ia menjadi suatu kewajipan dalam setiap masa atau keadaan yang berpotensi untuk golongan sasaran menerima Islam atau memahami Islam ('Abdul Karim Zaydan 1998: 320). Dalam hal ini, Allah s.w.t telah menyatakan metod asas dakwah kepada manusia sepertimana dalam ayat 125, surah al-Nahl:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Terjemahan: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan kaedah yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk."

(Surah al-Nahl 16 :125)

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t memerintahkan umat Islam untuk menyampaikan dakwah atau ajaran kepada manusia secara *al-hikmah*, nasihat yang baik (*al-maw'izah al-hasanah*) dan berdialog atau berdebat (*mujadalah*). Ibn Kathir (2013:218) dalam menafsirkan ayat di atas menyatakan Allah s.w.t memerintahkan Nabi s.a.w untuk menyeru manusia dengan hikmah iaitu memerlukan sifat kenabian, meletakkan sesuatu pada tempatnya, bijaksana dan sebagainya. Manusia perlu diseru dengan metod *al-maw'izah al-hasanah* iaitu melalui pengajaran yang baik termasuk nasihat, ingatan dan kejadian-kejadian yang di alami oleh manusia. Contohnya Nabi s.a.w menggunakan

*uslub al-maw'izah al-hasanah* dengan mengingatkan kaum *musyrikin* berhati-hati dan waspada dengan azab Allah s.w.t sekiranya ingkar perintah-Nya. Manakala dalam *uslub mujādalah* dilaksanakan menyeru kepada medium diskusi, perbahasan dan berdebat. Dalam perbahasan antara dua pihak harus secara beradab seperti membantah dengan wajah berseri, lemah lembut dan bahasa sopan tanpa mengaibkan kepercayaan yang dipegang oleh pihak lain.

Justeru kemunculan media baharu harus dimanfaatkan oleh masyarakat Islam secara epitimologikal dan teknikal berdasarkan pandangan sarwa Islam di atas prinsip *tawhid*, *adil*, *syura*, *hikmah* dan *ummah* (Ziauddin Sardar 1979:228). Melalui kesatuan daya usaha, kepakaran minda dan tenaga yang berkemahiran digembeling ke arah hasil usaha yang bekualiti dengan mengintergrasikan Islam dalam persekitaran sains teknologi komunikasi maklumat dalam membangunkan citra hikmah kebijaksanaan yang tinggi (*wisdom*) melewati arus ICT (Zulkiple Abd Ghani 2008:24; Mohd Fauzan Noordin 2003:102; Richard O. Mason 1995:51-54). Ini menunjukkan paradigma Islam lebih menyeluruh berbanding alatan teknologi komunikasi maklumat kerana kemudahan atau kecanggihan alat bukan matlamat semata-mata, bahkan lebih memberikan jalan kepada manusia dengan iman dan ketaqwaan kepada Allah. Ahmad Y. Al-Hassan et al. (1986:36) menjelaskan manifestasi daripada ajaran Islam telah memberikan dampak historis yang positif dalam sejarah kemanusiaan dan pembangunan teknologi. Teknologi-teknologi lain yang dibangunkan semasa tamadun Islam telah memberi kesan dalam kehidupan manusia seperti ilmu falak sebagai asas untuk umat mengenalpasti waktu untuk solat, teknologi dalam peperangan, teknologi dalam perubatan dan lain-lain.

Perkara yang sama juga dapat dilihat dalam pembangunan teknologi maklumat, di mana umat Islam telah mencipta kertas sebagai media cetak pertama untuk tujuan ilmu iaitu pada pertengahan abad ke-8 di Samarkand. Kemudian pada tahun 793, industri kertas terus berkembang di Baghdad semasa pemerintahan khalifah Harun al- Rashid. Malah kilang kertas pertama telah dibangunkan di Baghdad pada tahun yang sama. Perkembangan industri kertas ini juga turut membentuk profesion yang digelar sebagai *warraaq* atau *warraqueen* (daripada perkataan *warraaq*) yang akan menulis semula kitab-kitab bersama dengan komentar di margin buku. Mereka akan mengurus *warraqueen*, menerbitkan buku dan menulis pandangan sendiri di bahagian margin buku seperti pencetak atau umpama mesin fotostat tetapi mampu menulis lebih 100 muka surat dalam sehari (Ziauddin Sardar 1993:49). Tujuannya adalah untuk menyebarkan ilmu, idea, pandangan dan maklumat kepada massa.

Dalam usaha memanfaatkan media baharu sebagai *wasilah* dakwah, Yusof al-Qardawi juga berpendapat penggunaan internet merupakan salah satu metod dakwah dan merupakan jihad pada masa kini. Malah beliau turut mempunyai laman sesawang sendiri iaitu <http://www.qardawi.net> (Bettina Graf 2008:1). Al-Qardhawi juga telah menggunakan saluran televisyen dalam kegiatan dakwah di stesyen televisyen al-Jazeera di dalam program '*Sharia and life*' (*sharia fi al-haya*) yang dikatakan beliau secara langsung memberikan penjelasan hukum dan pandangan tentang syariah dan isu-isu kontemporari yang dihadapi oleh masyarakat Islam di dalam aspek ekonomi dan politik. Dalam program ini juga al-Qardhawi turut memberikan respon secara langsung kepada persoalan yang diajukan oleh penonton. Selain itu, program ini turut dimuatkan di dalam laman sesawang <http://www.islamonline.net>, iaitu salah satu laman sesawang Islam yang mempunyai reputasi kepercayaan yang tinggi di kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia (*trustworthy global minbar*), ketika mana laman-laman sesawang Islam di internet banyak dibangunkan oleh 'musuh-musuh' Islam seperti Yahudi, Bahai atau Qadiani (Jakob et al. 2004:153-165).

Ini menunjukkan media baharu turut menghasilkan pelbagai aplikasi rangkaian sosial yang boleh digunakan untuk menyampaikan ajaran Islam di dunia maya. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyatakan terdapat beberapa aplikasi-aplikasi laman sosial yang menjadi tumpuan pengguna internet iaitu laman facebook, instagram, you tube dan lain-lain. Laman tersebut menjadi tumpuan pengguna dalam berkongsi dengan pengguna lain atau kumpulan pengguna lain adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3** Kedudukan tertinggi laman jaringan sosial

Kedudukan	Laman Sosial	Peratus
1	Facebook	97.3
2	Instagram	56.1
3	You Tube	45.3
4	Wee chat	43.7
5	Google+	28.3
6	Twitter.com	26.6

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) 2017

Kedudukan laman sosial tertinggi yang digunakan pengguna internet ialah *facebook*, *instagram* dan *youtube*. Ketiga-tiga laman sosial mendapat tempat yang dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dalam penelitian penulis, pendakwah dan organisasi dakwah di Malaysia turut aktif menggunakan ketiga-tiga aplikasi laman sosial yang menjadi tumpuan pengguna internet hari ini. Di antara bentuk-bentuk aplikasi laman sosial yang dibangunkan sebagai komunikasi dakwah adalah seperti berikut:

- 1) Laman sosial (*facebook*) rasmi yang dibangunkan oleh institusi agama atau badan-badan kerajaan (*gov*) dan negeri secara rasmi seperti JAKIM (<http://www.islam.gov.my>), majlis agama Islam wilayah dan negeri (MAIN), jabatan agama Islam negeri (JAIN), IKIM, YADIM dan lain-lain. Pengemaskinian maklumat dalam laman sesawang melalui media sentiasa berada di bawah kawalan kerajaan tanpa melanggar peruntukan di dalam akta atau enakmen negeri.
- 2) Laman sosial (*facebook*) rasmi yang dibangunkan oleh organisasi dakwah bukan kerajaan (NGO) seperti ABIM, IKRAM, MACMA, PERKIM dan lain-lain.

- 3) Laman sosial (*facebook*) pendakwah persendirian seperti Dr. Abdul Basit Abdul Rahman, Dr. Zaharuddin Abdul Rahman, Ustaz Ahmad Dusuki Abdul Rani, Dr. Rozaimi Ramle, Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Ustaz Dato' Kazim Elias, Ustazah Isfadhiah Dusuki, Ustazah Norhafizah Musa, Prof. Dr. Muhaya Muhammad dan lain-lain lagi. Laman *facebook* memberi ruang bebas untuk menyampaikan atau mengemaskini maklumat-maklumat rakan (*friends*), pengikut (*followers*) dan pelawat (*visitor*). Malah boleh dilengkapi kemudahan muat turun (*download*) video, audio, teks (al-Quran dan hadis), rakaman tv, kuliah, ruangan soal jawab, tazkirah, forum, hadis, berita dunia Islam, artikel, ruang *chat* bersama ahli, arkib artikel-artikel dan lain-lain

Laman *facebook* dikatakan sebagai perkhidmatan berasaskan laman sesawang yang boleh individu mengakses dengan profil awam atau separa awam dalam sistem terbatas, berhubungan dengan pengguna-pengguna lain yang bersifat merentas. Kebiasaannya, mengandungi profil pengguna, ruangan mencari kawan, membentuk kumpulan atau komuniti tertentu, membentuk pengikut, membuat *post* dan menghantar mesej teks, audio dan video, mesej sulit, dan lain-lain. Fungsi laman jaringan sosial ini kemudiannya telah dipertingkatkan dengan penambahan ciri-ciri terbaru seperti menyediakan ruangan sembang, membolehkan pengguna mengemaskini status, menghantar mesej dan menghasilkan avatar atau gambar animasi. Menurut Ritzer dan Koch, fungsi laman jaringan sosial adalah untuk mengurus identiti (*identity management*), mencari pakar (*expert finding*), menyedari konteks (*context awareness*), mengurus kenalan (*contact management*) dan menukar maklumat (*exchange*) (Mohd Zaidi Mahmud et al. 2013: 36).

Ini menunjukkan dakwah melalui media baharu seperti *facebook* telah memberikan banyak perkongsian tentang Islam yang disebarkan oleh para pendakwah dan organisasi dakwah hari ini. Pengguna laman *facebook* dapat mengakses tentang Islam dengan mudah, berbual atau berdiskusi bersama rakan jaringan, muat turun (*download*) teks-teks Islam, membeli buku-buku, memasuki galeri seni dan manuskrip Islam secara elektronik, melawati lokasi atau tempat-tempat pusat agama, perbincangan tentang Islam, video klip Islam dan sebagainya (Abd Hadi Borham 2015). Dalam hal ini, penggunaan laman jaringan sosial sebagai motif dakwah telah dipraktikkan oleh masyarakat Muslim minoriti di Barat. Di atas dasar kekangan tinggal di negara bukan Islam, masyarakat Islam di Barat telah menggunakan jaringan internet sebagai saluran maklumat Islam (Bunt 2003). Kajian Brouwer (2004:1) mendapati penggunaan kemudahan komunikasi yang tinggi di kalangan masyarakat migran Islam di Belanda telah menyediakan suatu media baharu dalam bersosial dan mendapatkan maklumat Islam. Kajian Hlavacova (2007:1) pula mendapati individu atau organisasi yang menceburkan diri dalam gerakan Islam telah memanfaatkan jaringan internet untuk tujuan mempromosi Islam. Begitu juga dengan kajian Larsson (2005:1) mendapati faktor utama penggunaan internet di kalangan ahli kumpulan *Sweden's United Cyber Muslims (SFCM)* di Sweden, adalah untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat tentang Islam dan berhubung dengan dunia Islam yang lain.

Oleh itu, kemunculan media baharu dengan aplikasi-aplikasi laman sosial seperti *facebook* telah memberi kemudahan dalam menyampaikan mesej Islam secara jaringan sosial. Walaupun demikian, ianya juga memberi kesan positif dalam kehidupan beragama dan gerakan dakwah (Campbell 2005, Bunt 2003, Sisler 2006, Larsson 2005). Sepertimana dinyatakan Bunt (2003), masyarakat Islam hari ini telah menggunakan internet secara mendadak selepas kejadian 11 September 2001 di Amerika Syarikat. Sejak peristiwa tersebut, internet telah digunakan oleh masyarakat Islam dengan pesat atas tujuan dakwah, berhujah menolak kaitan Islam dengan keganasan dan membaiki imej Islam dalam masyarakat dunia - sehinggakan jaringan di internet dianggap mampu membentuk komuniti yang boleh membina kefahaman, perkongsian dan gabungan sebagai salah satu cara konsep ummah. Helland (2005:1) pula menjustifikasikan bahawa keterlibatan masyarakat Islam di internet dengan istilah *online religion* dan *religion online*. '*Online religion*' merujuk kepada kegiatan secara interaktif di antara pengguna tentang agama. Manakala '*religion online*' adalah menyediakan informasi-informasi keagamaan tanpa berlakunya proses interaktif. Secara tidak langsung, ianya telah menjadi medium komunikasi terkini dan mempengaruhi bagi seluruh masyarakat dunia untuk mengenali, memahami, mempelajari dan menghayati kesyukuran ajaran Islam.

#### ■4.0 IMPAK MEDIA BAHARU TERHADAP DAKWAH

Penerimaan media baharu telah membentuk suatu budaya baru dalam berkomunikasi, bermaklumat dan berdakwah atau kehidupan beragama. Asasnya ialah penerimaan teknologi komunikasi sebagai saluran kegunaan harian dan kemudahan berkomunikasi. Pengguna dapat memperolehi, memahami dan menafsirkan maklumat-maklumat yang dikehendaki. Aspek ini boleh dilihat dengan teori penerimaan model teknologi (*Technology Acceptance Model (TAM)*) yang dikembangkan daripada teori *Theory of Reasoned Action (TRA)*. TAM telah diubah suai oleh Fishbien dalam melihat bagaimana teknologi dapat meningkatkan kemajuan atau kemudahan dalam pekerjaan dan pengguna mempercayai sistem-sistem dengan pra tindakan dan tindakan. Teori ini masih bergantung melalui teori TRA yang dikemukakan Azjen dan Fishbien, dengan mengandaikan motif dan tingkahlaku seseorang dalam menerima maklumat media. Oleh yang demikian, terdapat andaian bahawa pendedahan kepada maklumat yang banyak di laman sosial *facebook* boleh mempengaruhi sikap, pandangan dan keputusan yang dibuat oleh mereka, sama ada dapat membangunkan nilai positif atau negatif kerana setiap individu lebih cenderung ke arah sesuatu dengan apa yang dipercayai di dalam dirinya (Shirley et al. 2008: 98). Kesan tersebut dapat dilihat melalui tiga aspek utama iaitu komponen iaitu afek (emosi), *behavioural* (tingkahlaku) dan kognisi (fikiran) yang mendorong kepada perubahan habit dan tingkahlaku (Dawson 2001:3; Mahmood Nazar 2005:516).

Melalui faktor motif penggunaan media baharu, teori kegunaan dan kepuasan (*Uses and Gratification Theory*) (U&G) yang dikemukakan oleh Blumler dan Katz's sering digunakan untuk menentukan tujuan tersebut. Teori ini mengandaikan pengguna mengambil bahagian yang aktif dalam proses komunikasi dan berorientasikan media. Teori ini menyatakan seorang pengguna menggunakan media bertujuan untuk memperolehi sumber yang terbaik yang memenuhi keperluan pengguna dan mempunyai pilihan alternatif. Ini menunjukkan penggunaan alat komunikasi yang aktif seperti *facebook* adalah untuk tujuan kepuasan dalam mendapatkan maklumat dan berhubungan di media baharu. Papacharissi dan Rubin (2000) menyatakan bahawa motif pengguna menggunakan sesuatu media boleh mempengaruhi tindakan pengguna media tersebut dalam mencari keperluan dan kepuasan (Mohd Zaidi Mahmud & Bahiyah Omar 2013: 39) seperti mencari kenalan, mencari maklumat, berkongsi maklumat, berinteraksi dan lain-lain.

Daripada andaian dua teori tersebut (U&G dan TAM atau TRA), dapat dinyatakan bahawa motif dakwah di laman *facebook* lebih dilihat dengan sifat bersosial dengan tujuan meningkatkan jaringan dengan membina hubungan silaturahim, berkongsi maklumat, menyebarkan maklumat, membentuk komuniti dan menyertai di alam *cyber*. Ianya turut mempengaruhi sikap dan tindakan terhadap perkara yang diperolehi, ditanggapi dan dicapai. Klapper (1960:49-50) menyebutkan media massa seperti *facebook* bertindak untuk

menguatkan keadaan yang telah ada (*reinforcement*) sehingga mempengaruhi dan boleh menukar sikap atau karekter manusia. Selain itu, ianya mampu bertindak dengan berkesan kepada psikologi dan kognitif generasi kini kerana ianya lebih bersifat audio visual dan multimedia. Implikasinya, boleh menjadi lebih serius kerana maklumat dalam masyarakat menjadi bahan komersial serta perusahaan bebas yang mengguntungkan tanpa dasar nilai, moral dan pendidikan.

Impak komunikasi internet atau media baharu terhadap individu boleh dilihat kepada tiga iaitu afek (emosi), tingkah laku (*behavioural*) dan kognisi (fikiran) yang mendorong kepada perubahan habit terhadap pendedahan maklumat yang diperolehi (E.Dennis 1994:31-34; Dawson 2001:3; Mahmood Nazar 2005:516). Menurut Iran dan Ariffin, perubahan tingkah laku dan sikap dapat dilihat kepada tiga tahap (Rahmah Hashim 1993:5):

- 1) Tahap pertama: Terdapat tiga faktor penentu iaitu sumber, maklumat dan sifat-sifat individu.
- 2) Tahap kedua: Proses pengamatan dan pemahaman sebelum menerima sepenuhnya tahap pertama.
- 3) Tahap ketiga: Penerimaan yang berkesan akan menghasilkan perubahan sikap dalam bentuk perubahan pendapat, persepsi, kesan dan tindakan.

Dalam konteks ini, golongan yang terdedah (*Perceived usefulness/ PU&Perceived ease of use/ PEOU*) mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan, taraf kehidupan, agama dan pemikiran yang berbeza. Pendedahan dan lambakan maklumat Islam di internet memerlukan keupayaan penggunaannya untuk mempunyai asas pengetahuan agama yang kuat. Di negara yang mempunyai majoriti masyarakat Islam seperti Malaysia, pembangunan kemudahan internet melalui program teknologi komunikasi maklumat akan menimbulkan implikasi yang kuat terhadap umat Islam secara langsung dan tidak langsung. Ini disebabkan kesinambungan program Westanisasi – melalui *software* dan *hardware* yang diberikan oleh Barat kepada negara-negara di seluruh dunia termasuk negara Islam (Toby E. Huff, 2004).

Di Arab Saudi, internet telah dibangunkan untuk kegunaan awam pada tahun 1997 atas kehendak Putera Mahkota Arab Saudi. Di peringkat permulaan internet diperkenalkan, wujud kebimbangan di kalangan ulama dan intelektual mengenai faktor idea dan nilai Barat yang akan diimport. Malah terdapat sebahagian daripada intelektual tidak bersetuju dengan usaha itu. Misalnya Abdallah bin Abd al-Muhsin al-Turki salah seorang menteri dalam kerajaan Arab Saudi menyifatkan globalisasi Barat yang didagangkan ke negara-negara Islam tanpa pertimbangan agama dan moral. Namun pada tahun 2004, kerajaan Arab Saudi terpaksa menutup 2000 laman sesawang yang mengandungi unsur-unsur pornografi, perjudian, aktiviti dadah, laman menukar agama dan laman-laman sesawang yang dianggap bertentangan dengan Islam. Laman sesawang ini telah ditutup dengan menggunakan *software* daripada Amerika Syarikat iaitu *Secure Computing's Smartfilter* (Joshua Teitlbaum 2002:224). Perkara sama turut berlaku di negara Yaman, apabila pihak kerajaan bertindak menutup beberapa laman sesawang yang bertentangan dengan ajaran Islam walaupun mendapat tentangan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai isu-isu hak asasi manusia.

## ■5.0 PERBINCANGAN AKIDAH YANG MENGGELIRUKAN

Media baharu banyak menyediakan laman-laman sesawang yang dibangunkan kumpulan missionari dan lain-lain, dengan menyalurkan maklumat yang berbentuk provokasi dan menggelirukan dengan tujuan untuk merosakkan akidah umat Islam. Misalnya penyiaran filem *fitna* yang menghina Islam dan Nabi Muhammad s.a.w, melalui perisian *youtube*. Isu ini juga, menyebabkan kerajaan Indonesia menutup laman *you tube* di republik itu kerana menjadi tempat untuk menghina agama lain. Selain itu, kumpulan missionari di Barat lebih mendahului menggunakan teknologi internet untuk kegiatan dan dakyahnya yang boleh menggelirukan umat Islam sepertimana yang dijelaskan oleh Atta Abdul-Kahabeer (M.Galander 2000:11). Antara petikan perbincangan tersebut di media baharu adalah seperti berikut:

*Jesus claims to be God's final spokesperson for mankind. The Old Testament affirms that at Christ's advent prophecy and vision would come to an end. The whole focus of prophecy is to testify to Jesus' Deity, divine Sonship and his sovereign authority and rulership over all creation. The message of the Gospel is universal, extending to all ages and for all men, being the only means of salvation. Any prophet after Christ must speak in Jesus' name, confirming the message preached by Christ as recorded within the pages of the New Testament. In light of the preceding factors, Muhammad cannot be a true prophet nor God's seal of prophethood. Muhammad denied the very core and foundation of prophecy, namely the preeminence and supremacy of God's beloved, divine eternal Son, the Lord Jesus Christ. In doing so Muhammad showed that he was not a prophet of the true God revealed in the inspired pages of the Holy Bible, Yahweh Elohim.*

Jika diteliti dalam laman sesawang ini, kebanyakan perbincangan tersebut difokuskan terhadap kepercayaan kepada Allah sebagai Tuhan yang Esa untuk seluruh umat manusia. Namun dari aspek kepercayaan terhadap nabi, banyak menafikan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w berdasarkan interpretasi yang bersumberkan Bible dan lmsasyarakat ogik manusia semata-mata. Contoh ini merupakan sebahagian dakyah missionari Kristian di internet. Lebih dikhuatiri lagi, sekiranya laman sesawang ini menjadi rujukan kepada masyarakat tanpa bersikap serius.

Di Malaysia, terdapat juga kumpulan-kumpulan yang menggunakan nama agama untuk mempopularkan idea dan pemikiran yang menggelirukan dan boleh mengancam akidah. Kumpulan-kumpulan seperti ini juga aktif meluaskan dakyahnya melalui media baharu Jamaah al-Quran Malaysia (JAM) yang dikenal pasti diterajui oleh golongan anti hadis (Najah Nadiah Amran 2006:89-99). Antara petikan dalam arkib perbincangan di laman sesawang kumpulan ini adalah seperti berikut:

Islam sampai sekarang masih terus menjadi salah satu anutan yang belum difahami sepenuhnya oleh dunia. Salah satu sebab ialah, ianya dianjurkan kepada dunia melalui orang-orang Islam, ulamak dan pendakwah (kononnya) Bukan dengan cara Islam sebenar mengikut apa yang terkandung dalam al-Quran. Akibatnya nyata sekali. Bukan sahaja Islam telah tercemar malah orang-orang Islam di merata dunia sedang merana akibat daripada meninggalkan ajaran al-Quran. Sebaliknya tumpuan diberi

lebih kepada amalan-amalan rekaan manusia yang tiada kena mengena dengan Islam sebagaimana terdapat dalam al-Quran. Salah satu rekaan besar ialah hadith-hadith yang ditulis berjilid-jilid lebih kurang 200 tahun selepas wafatnya Nabi Muhammad. Hadith-hadith ini adalah kononnya kata-kata atau perbuatan yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad. Terdapat banyak hadith yang bercanggah dengan al-Quran, bercanggah sesama hadith dan juga tidak masuk akal manusia yang waras. Walau pun ada juga hadith yang mungkin tidak bercanggah dengan al-Quran, kita tidak tahu sama ada hadith-hadith itu sebenarnya benar atau tidak. Tiada cara yang sah untuk menentukan ianya benar walau pun pengutip-pengutip hadith mengatakan demikian. Hanya Allah sahaja yang tahu.

Sekiranya diteliti, petikan di atas mempersoalkan tentang hadis dan mendorong manusia menggunakan hujah-hujah logik untuk menolak hadis secara tidak langsung. Keadaan ini boleh menggelirukan dan membahayakan akidah masyarakat Islam sekiranya kurang pengetahuan Islam yang kukuh. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Norzelatun Rodhiah Hazmi et al. (2005:1) tentang ‘mengenal pasti kualiti sumber hadis di internet.’ Kajian ini mendapati tidak semua maklumat Islam di internet tepat, malah terdapat juga laman sesawang Islam yang boleh mengancam akidah seseorang sekiranya pengguna kurang pengetahuan tentang Islam.

## ■6.0 PENYEBARAN FAHAMAN ISLAM LIBERAL

Ruang media baharu cukup mudah untuk dimanipulasi oleh pihak yang berkepentingan untuk menuntut hak, menarik perasaan, fahaman, mencetuskan kebencian dan sebagainya terhadap orang atau kumpulan lain. Dalam kalangan sarjana berpendapat kemunculan media baharu boleh mencetuskan persoalan yang asing dari agama dan budaya kehidupan tempatan iaitu memahami atau menginterpretasi kefahaman secara liberal disebabkan pengaruh modenisasi Barat.

Pandangan Barat tentang teori modenisasi teretus dalam zaman Renaissance dan zaman *Enlightment*. Konsep modenisasi Barat telah menekankan; sebagai proses perubahan struktur dan sistem sosial berdasarkan perkembangan ilmu di dalam bidang sains dan teknologi, sebagai gerakan daripada masyarakat tradisional yang menekankan unsur keagamaan dan mistik kepada bentuk moden dan pascamoden, iaitu kebebasan daripada agama, proses untuk merubah hubungan individu dan masyarakat, proses untuk memobilisasi, membezakan, mengindustrialisasi dan mengsekularisasi, proses terhadap pertambahan ekonomi, penstabilan demokrasi dan ekonomi kapitalis (Muhamad Ali 1997:14-15).

Menurut Muhamad Ali (2007:47) pada akhir abad ke-19 telah menyaksikan ketirisan yang berlaku dalam umat Islam kerana masalah politik dan sosial, kemunduran moral, serangan imprealis Barat dan masalah dalaman masyarakat Islam. Cabaran utama yang dihadapi masyarakat Islam ialah cabaran ketenteraan, politik, cabaran idealogi dari Eropah dan Barat memasuki ruang kehidupan umat Islam. Keadaan tersebut telah menyebabkan kumpulan kolonialisme memikirkan bagaimana untuk menghubungkan Islam dan dunia moden yang dibawa Barat.

Misalnya dalam isu berhadapan dengan dunia moden Barat, modenisasi, globalisasi, teknologi komunikasi dan maklumat, menginterpretasi al-Quran dengan sewenang-wenangnya agar ianya menepati zaman moden ini dan lain-lain. Doktrin modenisasi telah tersebar luas di kalangan masyarakat Islam yang berpelajaran melalui media cetak, elektronik dan teknologi internet serta berjaya membentuk komuniti idealogi Islam Liberal di negara-negara Islam. Isu bersifat minoriti dan berkaitan dengan tuntutan hak (*human right*), kebebasan berfikir, dan lain-lain telah diperjuangkan oleh kumpulan ini. Keadaan ini, (Muhamad Ali 2007:47), turut mempengaruhi di kalangan intelektual Islam dengan berusaha untuk mengintegrasikan antara soal kemodenan dan Islam. Maka wujud pembentuk konsep realistik dan pragmatik dalam menyelesaikan masalah demikian kerana pernah dipraktikkan oleh golongan reformis di Mesir iaitu Muhammad Ali dan di Turki iaitu Mustafa Kemal Artartuk. Secara tidak langsung berkembang umpama cendawan dengan tumbuhnya fikiran neo-Ali dan Kemal di negara-negara Islam.

Di Indonesia, Jaringan Islam Liberal (JIL) dikaitkan dengan gerakan Islam liberal yang telah berkembang sejak tahun 1970an. Golongan ini banyak diwarnai dengan pengaruh orientalis dan falsafah Barat serta lebih gemar menafsirkan Islam secara liberal. Kumpulan ini sangat aktif menggunakan internet untuk tujuan komunikasi dan maklumat. Golongan Islam liberal lebih suka menggunakan ijtihad berdasarkan sumber rujukan, kajian dan metodologi orientalis Barat untuk mengkaji Islam. Misalnya perbincangan yang ditulis oleh Ulil Abshar Abdalla tentang tafsiran ‘*ummatan wasathan*’ dari surah al-Baqarah ayat 143. Petikan perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

Saya ragu apakah penggambaran semacam ini tepat mengenai sasaran. Selama ini, ayat yang selalu dipakai sebagai sandaran adalah surah al-Baqarah (2:143). Menurut saya, pemaknaan semacam ini tampak anakronis, dalam pengertian memaksakan pengertian moden ke dalam ayat Qur’an yang belum tentu sesuai dengan makna asal dari ayat bersangkutan. Lepas dari itu, hal yang menarik adalah pengertian Islam sebagai agama yang ada di antara dua ekstrimitas, Yahudi dan Kristen. Pengertian ini kurang menyakinkan dengan pelbagai pertimbangan: (1) Jika Islam disebut sebagai jalan tengah, tentu pertanyaan yang patut diajukan adalah Islam yang mana yang memenuhi citra seperti itu. Kita tahu bahwa Islam mengejawantah dalam pelbagai bentuk. Meskipun umat Islam selalu dengan gigih mengatakan bahwa Islam adalah satu, tetap saja secara empiris Islam memiliki pelbagai bentuk. Jadi, Islam sebagai agama “*wasath*” atau jalan tengah itu Islam yang mana? Jika memakai contoh yang karikatural, jelas sekali Islam sebagaimana dicontohkan oleh Osama bin Ladin sangat sulit disebut sebagai agama jalan tengah. (2) Lebih jauh lagi patut juga dipersoalkan Kristen dan Yahudi yang mana yang dianggap mewakili dua titik ekstrem itu. Sebab, kita semua tahu, sebagaimana Islam mempunyai banyak wajah, begitu juga dalam kedua agama tersebut juga terdapat banyak kecenderungan. Corak keberagamaan yang legal-formalistis bukan saja terdapat dalam Yahudi, tetapi juga ada Kristen.

Jika diteliti, penulis bersikap ragu terhadap maksud ayat tersebut dan menafsirkan ayat berdasarkan secara logik mengikut realiti keganasan yang berlaku di dunia Islam. Kumpulan ini menggunakan hujah logik dalam perbincangan berkiatan akidah, tafsiran al-Quran dan hadith, isu fiqh dan sebagainya. Gerakan kumpulan ini lebih gemar menggunakan kaedah kelompok diskusi *cyber* secara bebas yang mudah diakses dalam alamat [http://www.islamliberal\\_yahoo.com](http://www.islamliberal_yahoo.com). Kemudian menyebarkan gagasannya melalui laman sesawang dan sosial di alamat <http://www.islamlib.com>.

## ■7.0 KEBANJIRAN FATWA ONLINE

Media baharu telah menyediakan kemudahan fatwa sama secara *online* atau terkumpul (bank fatwa) dalam penjelasan mengenai hukum. Fatwa merupakan keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan) berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (Kamus Dewan 2007:408). Dari sudut bahasa fatwa merujuk kepada memberi jawapan atau penjelasan bagi sesuatu masalah agama. Menurut Yusof al-Qardhawi fatwa ialah penjelasan hukum *syara'* yang merupakan jawapan kepada kes atau permasalahan yang sudah jelas mahupun masih tersembunyi, berasal daripada individu atau kumpulan mengenai hukum syarak. Menurut Othman Ishak (1981:18) fatwa merupakan asas yang mewujudkan fahaman mazhab di dalam perundangan Islam walaupun di kalangan ulama berselisih pendapat tentang autoriti sesuatu fatwa tetapi kesemua bersepakat ianya sebagai salah satu sumber hukum.

Di Malaysia, proses mengeluarkan dan keputusan fatwa telah dikelolakan oleh institusi agama yang berautoriti iaitu Jabatan Mufti negeri-negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Fatwa akan diputuskan melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang ahli-ahlinya terdiri daripada mufti-mufti dari semua negeri di Malaysia. Fatwa-fatwa yang telah diputuskan boleh di dapati di internet melalui alamat <http://www.e-fatwa.gov.my>. Laman sesawang ini hanyalah koleksi fatwa yang merangkumi semua permasalahan dalam aspek akidah, ibadah, munakahat, zakat, ekonomi dan mualamat yang boleh diketahui dan mudah dirujuk oleh seluruh masyarakat Islam di Malaysia.

Menurut Vit Sisler (2005:2) masyarakat Muslim minoriti di Barat menggunakan media baharu untuk mendapatkan fatwa-fatwa terkini berdasarkan masalah realiti kehidupan yang mereka dihadapi. Dari sudut ini, Sisler berpandangan bahawa mufti kelazimannya dilantik secara rasmi di atas kelayakan yang mesti ada untuk memenuhi jawatan mufti dalam sesebuah negara. Namun dalam media baharu fatwa-fatwa yang dikeluarkan tidak dapat diketahui autoriti mufti tersebut. Kenyataan ini berdasarkan penelitian terhadap tiga laman web di internet iaitu <http://www.fatwa-online.com>, <http://www.islam-online> dan <http://www.ijtihad.org>. Bunt (2003) pula menjelaskan kemudahan ini mendorong masyarakat Islam di serata dunia mendapat penjelasan dengan mudah dan cepat. Namun, timbul persoalan mengenai individu yang memutuskan fatwa di internet (Gary Bunt 2003:126) mempersoalkan bagaimana autoriti di internet menjadi isu baru terhadap masyarakat Islam? Siapakah yang layak untuk memutuskan keputusan berdasarkan sumber dalam Islam di internet? Adakah individu tersebut boleh dikenalpasti mencapai tahap mujtahid?

Menurut Vit Sisler (2005:3), penjelasan serta keluasan maklumat Islam tentang fatwa, hukum fiqh dan amalan mengikut syariah boleh memberi kesan terhadap golongan terdedah maklumat di internet seperti mendorong kepada bentuk pemikiran baru terhadap pegangan mazhab masyarakat setempat, kerana merentasi semua aliran mazhab di dunia Islam. Selain itu, di kalangan kumpulan mazhab syiah juga tidak terlepas untuk menggunakan internet sebagai media maklumatnya. Malah golongan syiah turut membangunkan enjin pencari seperti *yahoo* dan *google* iaitu <http://www.shiasearch.com> yang memuatkan beratus laman sesawang. Misalnya dalam kajian Kalinock (Kerstin Radde et al., 2006:2) yang bertajuk "*Ritual is becoming digitalised: Introduction to the special issue on rituals on the internet*" mendapati kebanyakan laman sesawang yang dibangunkan golongan syiah memuatkan tentang agama dan amalan, *hagiographies* dan isu-isu sekeliling yang berkaitan dengan teknologi moden serta boleh mendapatkan keterangan atau nasihat daripada (*marja al-taqlid*) melalui *e-mail* dan buku yang berkaitan. Selain itu, dalam ruangan *chat room* atau *newsgroup* di dapati banyak digunakan golongan lelaki dan wanita untuk berdiskusi tentang agama dan amalan ritual.

## ■8.0 IMPAK TERHADAP AUTORITI PIHAK BERKUASA AGAMA

Media baharu menyebabkan autoriti pihak berkuasa agama seperti ulama, agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) Islam menjadi semakin berkurangan (Ziauddin Sardar 1993:695, Anderson, Gary Bunt 2003:126, Hackett 2006:73). Media baharu telah memudahkan di kalangan pengguna merujuk secara langsung fatwa-fatwa dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan ajaran Islam. Menurut Vit Sisler (2002:2) suatu bentuk cabaran yang akan dihadapi oleh autoriti tradisional Islam kerana wujud peranan media baharu dalam masyarakat Islam. Dalam waktu yang sama, media baharu juga mampu menurunkan autoriti daripada golongan yang sepatutnya iaitu institusi mufti ataupun interpretasi. Keadaan sebegini turut disebutkan oleh Brian S. Turner dalam *Journal Theory, Culture & Society* (2007:18), adalah seperti berikut:

*The growth of literacy and the emergence of a global mass market for religious texts have expanded lay access to printed texts and to religious websites. One result is the expansion of interpretations and interpreters of Islam, and competition between them over who has authority to speak for and about Islam. These new interpreters are the products, not of the traditional schools, but of faculties within secular institutions of higher education. The new Muslim intellectuals are more likely to be products of engineering faculties than they are of mosque schools. Teachers prove their credentials by proclaiming what is and what is not compatible with Shari'a; the more radical and definitive the interpretation, the more prestige is associated with a particular teacher. Claims to authority tend, therefore, to be inflationary.*

Pada hemat penulis, pengurangan autoriti pihak berkuasa agama tetap akan berlaku kerana kebanjiran maklumat-maklumat Islam atau fatwa-fatwa rasmi di media baharu sekalipun terdapat laman-laman sosial yang dibangunkan oleh pihak kerajaan sebagai saluran rasmi. Misalnya dalam keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengharamkan senaman yoga kerana menyerupai ritual hindu dan boleh menyebabkan rosak akidah masyarakat Islam di Malaysia (<http://www.islam.gov.my>). Dalam waktu yang sama, terdapat juga kumpulan lain tidak bersetuju dengan keputusan fatwa tersebut dan menyatakan secara rasional dan bebas melalui media baharu seperti di laman sesawang, blog, *e-group* dan *newsgroup*. Penjelasan fatwa oleh pihak berkuasa agama Malaysia terlalu ringkas dan tidak seperti penjelasan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI), menyebabkan pihak tertentu menolak keputusan ini melalui perbahasan rasional serta melobi sokongan di media baharu.



Selain itu, kajian Bettina Graf (2008:14) terhadap fatwa *online* di laman sesawang <http://www.islamonline.net>, di dapati laman sesawang ini telah menyediakan bank fatwa dan pertanyaan (*ask the scholar*), fatwa langsung (fatwa *online*) dari Sheikh Yusuf al-Qaradhawi, Yassir Yazaga dan sarjana Islam yang lain. Sehingga akhir 2006, sebnayak 1,392 fatwa langsung telah dijalankan dalam bahasa Arab dan 885 dijalankan dalam bahasa Ingeris. Ini menunjukkan fatwa di internet atau media baharu mendapat tempat yang tinggi di kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia. Dalam hal ini Vit Sisler (2006:5-6) turut membangkitkan isu autoriti pihak agama yang memberi pengiktirafan kepada sesuatu fatwa dalam konteks fatwa *online* yang sering digunakan oleh minoriti Islam di Barat. Dalam artikel Sisler yang bertajuk '*Islamic Jurisprudence In Cyberspace: Construction Of Interpretative Authority In Muslim Diaspora*' dalam melihat tiga laman sesawang yang memberikan fatwa *online* berdasarkan mazhab yang diikuti iaitu di alamat <http://www.fatwa-online.com>, <http://www.islamonline.net>, dan <http://www.ijtihad.org>.

## ■9.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa media baharu memberikan manfaat kepada masyarakat Islam berkaitan dengan dakwah. Media baharu telah memberikan wadah baru bagi masyarakat Islam untuk memahami tentang agama. Namun dalam konteks Malaysia yang mempunyai majoriti umat Islam, terdapat dua implikasi yang dilihat kepada impak media baharu dakwah iaitu pendedahan yang tinggi terhadap lambakan maklumat di media baharu yang melangkaui semua peringkat umur dalam masyarakat. Media baharu telah menyediakan suatu kreativiti dalam kalangan pendakwah dengan paparan dan isu yang menarik. Walaupun ia sebagai indikator terhadap keperluan ICT semasa, namun turut memberikan kesan dalam perkembangan dakwah iaitu penyebaran pemahaman akidah yang menggelirukan, pengaruh gerakan Islam liberal di media baharu, dan penerimaan fatwa-fatwa online secara literal. Implikasi kedua ialah penerimaan media baharu dakwah mengukuhkan fungsi kandungan (*function of content*) berkaitan ajaran Islam dalam kehidupan beragama. Ia boleh memberi kesan terhadap autoriti pihak berkuasa agama yang mempunyai kredibiliti rujukan rasmi dalam institusi dan masyarakat Islam setempat.

## Rujukan

- Abd Hadi Borham & Zulkiple Abd Ghani. (2015). Pola Pendedahan Internet dan Impaknya terhadap Kefahaman Islam di Kalangan Ahli Akademik UKM dan USIM. *Malaysian Journal of Communication*, 2 (31), 405-421.
- 'Abdul Karim Zaydān. (1998). *Usūl al-Da'wah*. Beirut: Al-Risālah Publisher.
- Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal. (1977). *Al-Da'wah Ilā Allah Ta'ālā*, t.tp: al-Hadhārah al-'Arabiyyah.
- Adnan Hussein & Kamariah Hj. Siarap. (2000). Penggunaan Teknologi Komunikasi Informasi Di Kalangan Ahli Akademik Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 16 (1), 119-130.
- Ahmad Y. Al-Hassan & Donlad Hill. (1986). *Islamic Technology: An Illustrated History*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Azizah Hamzah. (1998). Pertumbuhan Masyarakat Digital: Perkembangan Baru dalam Perusahaan Kebudayaan dan Kesan-Kesan terhadap Corak Kehidupan. *Journal of The Faculty of Art and Social Sciences University of Malaya*. 1(15), 32-50.
- Bettina Graf. (2008). Islamonline.net: Independent, Interactive, Popular. *Arab Media & Society*. 1(13), 1-21.
- Brian S. Turner. (2007). Religious Authority and the New Media. *Journal Theory, Culture & Society*. 1(24), 117-129.
- Brouwer, Lenie. (2004). Dutch Muslim on the internet: A New Discussion Platform. *Journal of muslim Affairs*. 24 (1). 47-55
- Bunt, Gary. R. (1999). islam@britain.net: 'British Muslim' Identities in Cyberspace. *Islam and Christian – Muslim Relations*. 3(10), 353-362.
- Bunt, Gary. R. (2003). *Islam in digital age. E-Jihad, Online Fatwas and Cyber Environments*. London: Pluto Press.
- Campbell, Heidi. (2005). Spiritualising the Internet Uncovering Discourse and Narrative of Religious Internet Usage. *Heidelberg Journal of Religions on the Internet*. 1(1), 1-26. Retrieved from <https://archiv.ub.uni-heidelberg.de/volltextserver/5824/>.
- Douglas Kellner. (1995). Intellectuals and New Technologies. *Media, Culture & Society*. 1(17), 22-35.
- Dawson. L. Lorne. (2001). *Cyberspace & Religious Life: Conceptualizing the Concerns and Consequences*. Canada: University of Waterloo, Ontario.
- Fuad Hasan. (1984). Adat dan Pegangan Hidup Masyarakat Timur Tergugat. *Sasaran*. Jun, 37-42.
- G.Larsson. (2005). The Death of Virtual Muslim Discussion Group: Issues and Methods in Analysing Religion on the Net, *Heidelberg Journal of Religions on the Internet*. 1(1). 1-18. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/32579521.pdf>.
- Galander, Mahmoud M. (2000). Muslims on the Intenet: Worries and Wariness. *International Workshop on Social Usage of Internet in Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 22-25 Mac.
- Ghalush, Ahmad Ahmad. (1978). *Al-Da'wah al-Islamiyyah Usūliha wa Wasa iluha*. Al-Qaherah: Dār al-Kitab al-Misriy.
- Hassan Abdu. (2009). *The effect of the internet on Saudi Society*. Retrived from <http://www.islamonline.net>. 22 Disember 2008.
- Hlavacova, Simona. (2007). US-based Islamist Network: Presence in Cyberspace and Online Projects. *Masaryk University Journal of Law and Technology*. 1 (2). 44-60.
- Ibn Kathīr, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar. (2013). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, (terj.) Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyurrahman. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Mason, Richard O. Et al.(1995). *Ethics of Information Management*. London: SAGE Publications.
- Mohamad Fauzan Noordin. 2003. Wisdom: The Missing Dimension in Information and Communication Technology (ICT). *The American Journal of Islamic Social Science*. 3(20). 43-60.
- Muhamad Ali. 2005. The Rise of the Liberal Islam network (JIL) in Contemporary Islam Indonesia. *American Journal Islamic Social Saince*, 1(22), 48-63
- Helland, Christopher. (2005). Online Religion as Live Religion. *Online – Heidelberg Journal of Religions on the Internet*, 1(1), 1-16. Retrieved from <http://archiv.ub.uni-heidelberg.de/volltextserver/5823/1/Helland3a.pdf>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jakob Skovgaard et al. (2004). The Global Mufti. Dalam. *Globalization and the Muslim World Culture, Religion and Modernity*. Birgit Schaebler et al. (eds.). New York: University Press.
- Joshua Teitelbaum. (2002). Dueling for Da'wa: State vs. Society on the Saudi Internet. *Middleeast Journal*. 2(56). 38-55.
- Klapper, Joseph T. (1960). *The Effect of Mass Communication*. New York: Free Press.
- Kerstin Radde et al. (2006). Ritual is Becoming Digitalised: Introduction to the Special Issue on Rituals on the Internet. *Online – Journal of Religions on the Internet*. 2(1), 1-5. <https://heiu.ub.uni-heidelberg.de/journals/index.php/religions/article/view/372>.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Pengantar Psikologi. Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Sobhi Ishak et al. (2007). Keengganan Memiliki Komputer dan Internet di Rumah: Satu Persoalan Jurang Digital dalam Kalangan Masyarakat Malaysia. Kertas kerja *International Conference on Media and Communication (MENTION 2007)*. 20-22 Ogos 2007. Jabatan Pengajian Media & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Zaidi Mahmud & Bahiyah Omar. (2003). Motif dan Kekerapan Penggunaan Facebook Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 29 (1): 35-54.
- Najah Nadiyah Amran. (2006). Penyebaran Fahaman Anti hadis melalui Internet di Malaysia. *Jurnal Yadim*, 2(8), 34-48.
- Othman Haji Ishak. (1981). *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Rahmah Hashim. (1993). Ilmu Komunikasi: Metod dan Teknik dalam Dakwah Islamiah. *Seminar Dakwah dan Kepimpinan II Peringkat Kebangsaan*. 2-3 Oktober. Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan & Institut Dakwah dan Latihan Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Rahmah Hashim et al. (1999). Difusi Internet di kalangan Pengguna Awal di Lembah Klang: Beberapa Penemuan Awal. *Prosiding Seminar Penyelidikan komunikasi*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.
- Sardar, Ziauddin. (1979). *The Future of Muslim Civilisation*. London: Croom Helm.
- Sardar, Ziauddin. (1993). Paper, Printing and Compact Disk: The Making and Unmaking of Islamic Culture. *Media, Culture And Society*, 1(15). 43-59.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2010). Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan. *Malaysian Journal of Media Studies*. 12 (2): 37-52.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Q4. (2011). *Komunikasi & Multimedia, Buku Maklumat Statistik*. Putrajaya: Malaysian Communication and Multimedia Commission.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2017). *Internet Users Survey 2017*. Putrajaya: Malaysian Communication and Multimedia Commission.
- Shirley et.al. 2008. Muslim Surfers on the Internet: Using the Theory of Planned Behaviour to Examine the Factors Influencing Engagement in Online Religious Activities. *New Media & Society*. Vol 10 (1) 93-113.
- Sisler, Vit. (2005). *Islamic Jurisprudence in Cyberspace: Construction of Interpretative Authority in Muslim Diaspora*. Cyberspace 2005 Conference Proceedings. Polcak.R et al. (eds.). Chechia: Masaryk University. Retrieved from <http://www.digitalislam.eu/article.do?articleId=1420>.
- Tengku Siti Aisha et al. (2007). Acceptance and Usage of Webcasting among Users of Sselected Cyber Cafes in Klang Valley. Kertas kerja *International Conference on Media and Communication (MENTION 2007)*. 20-22 Ogos 2007. Jabatan Pengajian Media & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Toby E. Huff. (2004). Globalization and the Internet: The Malaysia Experience. Dalam. *Globalization and the Muslim World Culture, Religion and Modernity*. Birgit Schaebler et al. (eds.). New York: University Press.
- Zuraidah Abu Talib. (2008). Teknostres di kalangan Pengawai Akademik di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam. Dalam. *Isu-isu Komunikasi di Malaysia, Aplikasi Penelitian Empiri*. (eds.). Che Su Mustafa, Hasan Abu Bakar, Bahtiar Mohamad. Selangor: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Zulkiple Abd Ghani. (2003). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.